



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/01/09 (HQ)

### PANDUAN KESELAMATAN ELEKTRIK SEMASA MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menasihatkan para pengguna agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan menitikberatkan aspek keselamatan elektrik terutama ketika menyambut perayaan Tahun Baru Cina tidak lama lagi.

Pengguna disarankan agar tidak membebangkan soket dengan penggunaan adapter elektrik secara berlebihan bagi mengelakkan bebanan tinggi.

Pengguna juga diminta untuk tidak memasang atau menggantung apa jua bahan, termasuk bagi tujuan perayaan di kabel dan pepasangan elektrik TNB kerana terdapat risiko renjatan elektrik dan percikan arka.

Bebanan tinggi, renjatan elektrik dan percikan arka boleh menyebabkan gangguan bekalan elektrik yang membawa kepada ketidakselesaan dan lebih buruk lagi merosakkan harta benda dan mengancam nyawa.

Pengguna turut dinasihatkan supaya tidak memasang suis elektrik dengan tangan yang basah dan sentiasa memastikan peralatan elektrik sentiasa dalam keadaan yang baik.

Untuk sebarang aduan mengenai bekalan elektrik dan pemakluman berkaitan kejanggalan pepasangan TNB, pengguna boleh menghubungi TNB di Facebook TNB CareLine atau 15454.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Januari 2019, jam 12.00 tengah hari**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /  
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*